



Perkara **X**

PEMBANGUNAN KAMPUS

PEMBANGUNAN KAMPUS

PENGENALAN

Pembangunan Kampus Tetap bermula di dalam Rancangan Malaysia Ke-8 lagi dimana dalam tempoh RMKe-8, proses pengambilan tanah melibatkan pelbagai pihak seperti tanah individu, FELDA dan juga tanah milik MBI berjaya diselesaikan.

Pembangunan Fizikal hanya bermula di dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (2006-2010) di mana beberapa buah Pusat Pengajian dan bangunan sokongan berjaya dibangunkan berperingkat-peringkat secara berpakej.

UniMAP kini memiliki 2 kawasan tapak Kampus Tetap iaitu Kampus Alam di Pauh Putra dengan keluasan 1028 ekar dan Kampus Hijau yang terletak di Sungai Chuchoh dengan keluasan tapak seluas 253 ekar.

Di dalam Rancangan Malaysia Ke-10 ini, pembangunan fizikal hanya melibatkan Kampus Alam di Pauh Putra manakala pelan induk Kampus Hijau di Sungai Chuchoh mula dibangunkan pada tahun 2011.

RANCANGAN PROJEK PEMBANGUNAN TAHUN 2012

Peruntukan Belanja Pembangunan (DE)

Tahun 2012 merupakan tahun kedua Rancangan Malaysia Ke-10. Dalam Rancangan Malaysia Ke-10, Kementerian Kewangan telah mengambil pendekatan berbeza dari segi pelaksanaan projek dimana agihan peruntukan diberikan secara *rolling plan* melibatkan beberapa *rolling plan* sepanjang tempoh 2011-2015.

Dalam 1st *Rolling Plan* melibatkan peruntukan sebanyak RM 111.5 Juta bagi tahun 2011, UniMAP telah mendapat peruntukan bagi menyiapkan projek projek sambungan Pakej 3B dan Pakej 4, manakala untuk 2nd *Rolling Plan* bagi tahun 2012, UniMAP mendapat peruntukan sebanyak RM16.8 Juta untuk bayaran akhir Projek Pakej 3B, Projek Pakej 4 serta projek naiktaraf balapan bitumen kepada sintetik di Kompleks Sukan dan pemasangan kerusi di Dewan Kuliah 600.



Pelan Induk Kampus Tetap Pauh Putra

Peruntukan Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI).

UniMAP melaksanakan 1 projek di bawah peruntukan inisiatif pembiayaan swasta (PFI) iaitu pembinaan asrama untuk 1000 pelajar. Projek yang menelan belanja sebanyak RM32 Juta masih di peringkat pembinaan. Projek ini dijangka siap pada awal tahun 2013.

Selain daripada itu, melalui Unit Kerjasama Awam-Swasta (UKAS) di bawah Jabatan Perdana Menteri, UniMAP mendapat satu lagi projek inisiatif pembiayaan swasta (PFI) iaitu pembinaan asrama untuk 4000 pelajar yang dinamakan PFI-2. Projek ini akan dimulakan pada awal tahun 2013.

Peruntukan Melalui Sumber Dalam Universiti.

Dalam usaha memacu pembangunan dan perkembangan Kampus UniMAP di Pauh Putra, pengurusan Universiti memutuskan untuk membangunkan beberapa bangunan dengan menggunakan sumber dalaman Universiti bagi meningkatkan prasarana Kampus untuk kemudahan dan keselesaan kepada para pelajar khususnya. Projek-projek yang dirancang untuk dilaksanakan dengan menggunakan sumber dalaman Universiti ialah :-

- i. Dewan Peperiksaan
- ii. ICT Data Center
- iii. Surau 500 Jemaah
- iv. Litar Go Kart

Secara keseluruhannya, semua 11 Projek yang dilaksanakan pada tahun 2012 merupakan projek fizikal. Butiran projek adalah seperti jadual 1:

Bil.	Senarai Projek	Catatan
1.	PPK Mikroelektronik	PAKEJ 4 – Siap
2.	Pusat Kejuruteraan	PAKEJ 4 – Siap
3.	Asrama PFI 1	85% Siap
4.	Pemasangan Kerusi Dewan Kuliah 600	Siap
5.	Naiktaraf Trek Kepada Trek Sintetik Di Kompleks Sukan	30% Siap
6.	Litar Go – Kart	30% Siap
7.	Dewan Peperiksaan	10% Siap
8.	ICT Data Center	5% Siap
9.	Surau 500 Jemaah	Penilaian Tender
10.	Naiktaraf Jalan Berkembar	Penilaian Tender
11.	Asrama PFI 2	Penilaian Tender

Jadual 1 : Senarai Projek Pada Tahun 2012

Prestasi Pelaksanaan Projek Mengikut Agensi Pelaksana

Pada keseluruhannya, projek-projek pembangunan Kampus UniMAP di Pauh Putra dilaksanakan oleh 2 agensi iaitu UniMAP sendiri melalui Unit Pengurusan Projek, Jabatan Pembangunan dan Cawangan Pengajian Tinggi (CPT), Jabatan Kerja Raya (JKR). Pecahan pelaksanaan projek mengikut agensi pelaksana adalah seperti Jadual 2.

Agensi Pelaksana	Bil. Projek	% Mengikut Projek	Nilai RM (Juta)
Jabatan Pembangunan UniMAP	9	82	175
JKR	2	18	136

Jadual 2 : Pecahan Pelaksanaan Projek Mengikut Agensi Pelaksana

PRESTASI FIZIKAL PEMBANGUNAN KAMPUS BAGI TAHUN 2012

Secara keseluruhannya, UniMAP melaksanakan 9 projek di mana 1 projek telah berjaya disiapkan, manakala 2 projek yang diselia oleh JKR telah siap sepenuhnya pada 1 Mac 2012.

Prestasi pelaksanaan projek-projek RMK-10 bagi tahun 2012 yang diuruskan Jabatan Pembangunan pada keseluruhannya adalah cemerlang dimana perbelanjaan pada tahun 2012 melebihi peruntukan yang diterima. Jabatan Pembangunan sentiasa memantau bagi memastikan projek-projek dalam pembinaan siap mengikut jadual. Maklumat terperinci prestasi pelaksanaan projek-projek pembangunan di Kampus Pauh adalah seperti Jadual 3.

Bil.	Status Pelaksanaan	Bil. Projek
1.	Siap Senarai Projek : 1. PPK Mikroelektronik 2. Pusat Kejuruteraan 3. Kerusi Dewan Kuliah 600	3
2.	Bina / Dalam Pelaksanaan Senarai Projek : 1. Asrama PFI 1 2. Litar Go Kart 3. Dewan Peperiksaan 4. Naiktaraf Trek Sintetik 5. ICT Data Center	5
3.	Tender / Runding Harga	3
4.	Rekabentuk	0
Jumlah		11

Jadual 3 : Prestasi Keseluruhan Projek-Projek Pembangunan Kampus Pauh

PEMBANGUNAN KAMPUS

Prestasi Kewangan Projek Pada Tahun 2012


Daripada RM 16.8 Juta peruntukan yang diterima melalui *2nd Rolling Plan*, UniMAP telah membelanja sebanyak RM17.67 Juta iaitu 100% daripada peruntukan tersebut. Prestasi perbelanjaan tahunan RMKe-10 (DE) adalah seperti Graf 1 di sebelah :-



Graf 1 : Prestasi Perbelanjaan Keseluruhan *2nd Rolling Plan* RMK-10 (DE)

Peruntukan *2nd Rolling Plan* RMK-10 : RM 16.8 Juta

Prestasi perbelanjaan bulanan pada tahun 2012 ditunjukkan dalam Jadual 4 di bawah:-



Jadual 4 : Prestasi Perbelanjaan Bulanan Bagi Tahun 2012 (DE)

PRESTASI PEMBANGUNAN TAHUN 2012

Projek projek pembangunan menggunakan peruntukan belanja pembangunan (DE) bagi tahun 2012 hanya melibatkan projek sambungan Pakej 3B dan Pakej 4 serta projek naiktaraf balapan sedia ada kepada balapan sintetik di Kompleks Sukan serta projek pemasangan kerusi di Dewan Kuliah 600.

Projek Pakej 4 terdiri daripada bangunan Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik dan Pusat Kejuruteraan dilancarkan pada Februari 2009. Projek yang menelan belanja sebanyak RM 136 Juta ini dibangunkan mengikut fasa dimana fasa 1 melibatkan sebahagian bangunan Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik dan kerja-kerja cerucuk untuk Pusat Kejuruteraan. Pembinaan Fasa 2 melibatkan pembinaan keseluruhan Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik dan Pusat Kejuruteraan mula dilaksanakan pada Februari 2010 dan dijangka siap pada Disember 2011.

Projek ini di urus selia oleh Cawangan Pengajian Tinggi, Jabatan Kerja Raya (JKR) yang bertindak selaku PMC. Pada 10 November 2011, satu majlis penyerahan separa melibatkan Blok 4, 5, 10 dan 11 PPK Mikroelektronik telah dibuat setelah bangunan berkenaan berjaya disiapkan.

Selang beberapa bulan selepas itu, semua skop kerja berjaya disiapkan oleh kontraktor dan projek ini dengan rasminya siap pada 1 Mac 2012.

Gambar 1 : Ilustrasi PPK Mikroelektronik



Gambar 2 : PPK-Mikroelektronik (100% Siap)



Gambar 3 : Ilustrasi Pusat Kejuruteraan



Gambar 4 : Pusat Kejuruteraan (100% Siap)



UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)

KEJURUTERAAN

PEMBANGUNAN KAMPUS

Dalam masa yang sama, bagi menyokong Dasar Pembangunan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (DPSIPT) iaitu menjadikan IPT sebagai pemangkin kepada pembangunan kecemerlangan sukan Negara, Universiti turut menggunakan peruntukan pembangunan untuk menaiktaraf balapan sedia ada kepada balapan sintetik. Balapan sintetik ini menggunakan teknologi dari Eropah serta memenuhi piawaian International Amateur Athletic Federation (IAAF). Sijil IAAF ini melayakkan UniMAP untuk menganjurkan kejohanan sukan olahraga di peringkat Kebangsaan dan juga Antarabangsa. Selain untuk kegunaan Universiti, trek sintetik ini juga akan digunakan untuk Sukan Malaysia (SUKMA) pada tahun 2014 nanti.

Kerja-kerja naiktaraf balapan ini bermula pada 27 Ogos 2012 dan dijangka siap sepenuhnya pada 10 Februari 2013



Gambar 5 : Kerja-Kerja Naiktaraf Trek Sintetik (30% Siap)

Kerja-kerja membekal dan memasang kerusi Auditorium di dua (2) buah Dewan Kuliah 600 turut menggunakan peruntukan pembangunan. Projek ini bermula pada 7hb Jun 2012 dan siap sepenuhnya pada 30hb September 2012 yang lalu. Dewan Kuliah 600 ini kini telah digunakan untuk kuliah, seminar dan majlis majlis anjuran Universiti.




Gambar 6 :
Dewan Kuliah 600 A



Gambar 7 :
Dewan Kuliah 600 B (VIP)

Dalam pada itu, UniMAP turut memperolehi peruntukan inisiatif pembiayaan swasta (PFI) sebanyak RM 32 Juta melalui Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan yang terkini sebanyak RM 130 Juta melalui Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Kementerian Kewangan. Melalui pembiayaan ini, Kolej Kediaman yang berupaya menempatkan 1000 pelajar bagi PFI-1 dan 4000 pelajar bagi PFI-2 sedang dibangunkan di Zon Selatan Kampus Tetap Pauh Putra.

Pembinaan Kolej Kediaman PFI-1 ini telah bermula pada March 2010 dan dijangka siap pada Mac 2013.



Gambar 8 : Ilustrasi Kolej Kediaman PFI-1



Gambar 9 : Kolej Kediaman PFI-1 (85% Siap)

Sehingga Disember 2012, projek ini telah 85% siap dan sebanyak RM 21.6 Juta telah dibelanjakan.

Manakala pembinaan Kolej Kediaman PFI-2 melibatkan 4000 pelajar sedang dalam peringkat tender dan dijangka mula dibina pada Jun 2013 nanti.



Gambar 10 : Tapak Cadangan & Ilustrasi Kolej Kediaman PFI-2

Memandangkan di dalam 2nd Rolling Plan RMKe-10, UniMAP tidak mendapat peruntukan bagi projek-projek baru. Pengurusan Universiti memutuskan untuk menggunakan sumber dalaman Universiti bagi meneruskan agenda pembangunan kampus supaya aktiviti pembangunan terus dipacu kearah memberi kemudahan dan keselesaan kepada seluruh warga UniMAP.



Gambar 11 : Ilustrasi Dewan Peperiksaan



Gambar 12 : Dewan Peperiksaan (10% Siap)


Bagi mempertingkatkan suasana pembelajaran kondusif untuk para pelajar, sebuah Dewan Peperiksaan dengan kapasiti 3000 pelajar sedang dalam pembinaan. Selain untuk peperiksaan, dewan ini juga boleh digunakan untuk pelbagai aktiviti seperti seminar, aktiviti persatuan, kegiatan sukan seperti badminton dan sepak takraw serta majlis-majlis anjuran Universiti.

Dewan peperiksaan ini mula dibina pada Oktober 2012 dan dijangka siap menjelang Disember 2013 nanti.

Selaras dengan dasar Universiti untuk menggemilangkan penyelidikan dan inovasi, sebuah Litar Go-Kart sedang dibangunkan di kawasan seluas 24 Ekar di kawasan sempadan Perlis-Kedah, Kampus Pauh Putra.

Litar ini dibina mengikut spesifikasi dan piawaian AAM. Dengan adanya litar ini, penyelidikan di dalam bidang Automotiv dapat dipertingkatkan dan pada masa sama, Universiti dapat menjana kewangan dengan menganjurkan kejohanan Go-Kart, Formula Varsity serta menyewa litar untuk kegunaan pihak-pihak luar.

PEMBANGUNAN KAMPUS



Gambar 13 : Ilustrasi Litar Go-Kart



Gambar 14 : Pembinaan Litar Go-Kart (30% Siap).

Projek Litar Go-Kart ini mula dibina pada 3 September 2012 dan dijangka siap menjelang April 2013 nanti.

Bagi mempertingkatkan kebolehcapaian maklumat (ICT), pengurusan Universiti memutuskan untuk membina bangunan ICT Data Center di Kampus Pauh Putra. Dengan adanya bangunan ICT Data Center ini, capaian ICT untuk warga Kampus Pauh Putra tidak lagi bergantung kepada server di Kubang Gajah.

Projek ICT Data Center ini mula dibina pada 3 Disember 2012 dan dijangka siap menjelang Disember 2013 nanti.



Gambar 15 : Ilustrasi Cadangan Bangunan ICT Data Center.



Gambar 16 : Pembinaan Bangunan ICT Data Center (5% Siap).

Peningkatan warga Kampus Pauh amat ketara dalam tahun 2012 apabila semua projek-projek sambungan RMK-10 telah siap dan beroperasi sepenuhnya pada tahun ini. Sehubungan itu, sebuah surau dengan kapasiti 500 jemaah akan disediakan untuk kegunaan warga kampus yang beragama Islam.

Projek surau ini dalam peringkat penilaian tender dan dijangka akan mula dibina dalam tahun 2013 nanti.



Gambar 17 : Ilustrasi Cadangan Surau 500 Jemaah

Jabatan Pembangunan sentiasa komited dalam memastikan semua projek pembangunan dapat dilaksanakan mengikut perancangan bagi memastikan prasarana dan kemudahan akademik dapat disediakan mengikut keperluan pelanggan.

Dalam pada itu, inisiatif dan usaha dari semua pihak telah banyak membantu dalam memastikan prestasi pelaksanaan projek pembangunan dapat ditingkatkan dari masa ke semasa.